

PEMAKLUMAN: KEMASKINI SEGERA KEPUTUSAN UJIAN MALAYSIA UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET) BAGI PELAJAR SARJANA MUDA

Category: Announcement

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.

PESANAN INI ADALAH KHUSUS KEPADA PELAJAR SARJANA MUDA YANG MASIH BELUM MENDUDUKI DAN LULUS UJIAN MUET SAHAJA.

Kepada **Pelajar Sarjana Muda** yang **MASIH BELUM** menduduki **ujian MUET**, anda adalah diminta untuk segera berbuat demikian selaras dengan syarat-syarat tawaran kemasukan seperti yang terkandung dalam Panduan Kemasukan Pelajar yang sedang berkuatkuasa.

Anda boleh mendaftar untuk menduduki ujian MUET di UMP dengan merujuk kepada Unit Kompetensi, Pusat Bahasa Moden (PBM), UMP di talian 09-431 6567.

Sekiranya anda telah menduduki dan lulus ujian MUET, anda adalah diminta untuk **segera mengemaskini** keputusan ujian MUET melalui platform eCommunity Student>Menu>MyProfile>MUET. Untuk pertanyaan lanjut, anda boleh menghubungi Pusat Pengurusan Akademik (PPA) di talian 09-431 5556 / 6790 / 6782.

Kegagalan anda untuk berbuat demikian boleh menyebabkan anda tidak layak untuk bergraduasi.

Kerjasama dan perhatian anda dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

UNIT PENGURUSAN REKOD PRASISWAZAH

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

*****Sila abaikan pesanan ini sekiranya anda telah selesai mengemaskini keputusan ujian MUET melalui platform eCommunity Student>Menu>MyProfile>MUET.**

<http://>

Posted by **MOHD IRWAN BIN MUSA** , JABATAN HAL EHWAL AKADEMIK & ANTARABANGSA
06 JAN 2023